



AKADEMI PENGAJIAN BAHASA  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

# e-Lingua

Academy of Language Studies  
UiTM Gawangan Pulau Pinang

January 2024

## Table of Content



<u>Chief Editor's Desk</u>	<u>2-5</u>
<u>News &amp; Reports</u>	<u>6-19</u>
<u>Language Club News &amp; Reports</u>	<u>20-24</u>
<u>Self-love First</u>	<u>25-32</u>
<u>Travel &amp; Leisure</u>	<u>33-41</u>
<u>Home Garden</u>	<u>42-45</u>
<u>Teaching &amp; Learning</u>	<u>46-54</u>
<u>Lecturer's Contribution</u>	<u>55-72</u>
<u>Creative Corner</u>	<u>73-83</u>
<u>The Team</u>	<u>84</u>

from the

# LECTURERS

---



Tossing Yee Sang

58

Mastering the art of netball

59

My Switzerland trip

61

Harga sebutir "painkiller"

62

Noël


65

Kembara karomah

66

Menangani tekanan di kalangan ibu bekerja

71



# Harga sebutir 'painkiller': Suatu Autoetnografi

nukilan Rofiza Aboo Bakar



Entah mengapa gusiku ini telah lebih sepuluh hari membengkak dan surut bergilir-gilir tanpa mahu berhenti. Lagaknya tak ubah seperti air laut yang pasang surut sebanyak dua kali sehari dan semalam. Selalunya di Malaysia ianya tidak begini dan memberi 'kerjasama' yang baik kecuali ketika aku merasa begitu tertekan dengan kerja yang tidak kunjung habis. Penyelidikan saintifik telah mendedahkan bahawa terdapat kaitan antara penyakit gusi dan tekanan dengan keterukan penyakit gusi meningkat apabila tekanan meningkat (Bellevue Hill Dental, n.d.). Semasa aku ke Indonesia lewat Jun 2023 yang lalu, ianya membengkak sebelum itu dan kemudian kembali surut dengan aturan antibiotik yang dibekalkan oleh doktor gigi Klinik Pergigian Prodentia bertentangan Mydin Bukit Mertajam. Doktor itu telah membuat x-ray menyeluruh akan rahang gusi dan gigi dan mendapati tiada penyakit merbahaya kecuali keperluan membersihkan secara berkala sekali setiap enam bulan. Tiada apa yang berubah dari sang doktor tentang penjagaan mulut kecuali kesediaan aku merabakkan poket setiap kali berjumpa dengannya. Pengetahuan itu telah lama terbenam dalam benakku sejak aku bersekolah rendah. Aku pasti orang lain juga begitu pengetahuannya. Jadi, secara teori yang kupegang sendiri, gusi ini tidak akan bermasalah sekurang-kurangnya sehingga bulan Februari 2024 nanti. Itu teoriku sendiri yang dibuat dengan mengambilkira rawatan yang telah dibuat sebelum ini, rutin kebersihan mulut setiap hari dan sebagainya lagi.

Namun, ternyata aku salah. Gusi ini mula membengkak pertengahan Oktober 2023 ketika aku di bumi Cardiff dengan kesejukan menggila di musim luruh. Jika di Permatang Pauh, aku telah terbiasa dan selesa selama lebih 20 tahun bertahan dengan kepanasan bilikku, di sini aku 'kalah'. Masih terngiang-ngiang gurauan kawan-kawan yang bertandang ke kamarku, "Awat bilik hang panaih sangat ni? Hang tak suruh depa pebetoi air-cond ka?" Hakikatnya bukan tidak, tetapi penghawa dingin bilikku itu memang tidak dapat diselamatkan. Maka, terjadilah episod memasang kipas angin yang tidak kunjung jemu menyejukkan sedikit bahang panas bilikku itu. Tetapi di sini, kesejukan telah menyumbang kepada kesakitan gusiku. Tidak pernah kubayangkan bahawa hawa sejuk juga sebenarnya boleh menyebabkan gigi, rahang dan gusi cenderung mengalami kesakitan (Springdale Dental Centre, 2023). Nampaknya, ibuku yang telah berusia 85 tahun dan tidak bersekolah tinggi lebih bijak daripadaku apabila menyatakan fakta itu seusai aku mengadu kesakitanku kepadanya tempohari.



Dengan nasihat ahli farmasi, telah kucuba pelbagai kaedah yang kurasa akan memulihkan bengkak gusiku seperti berkumur dengan Corsodyl dan mengambil paracetamol. Namun, tidak juga mujarab, malah lebih menderita dibuatnya. Malam adalah waktu paling kutakuti kerana tidak dapat kulelapkan mata menahan kesakitan menyucuk-nyucuk yang tidak boleh kugambarkan dengan kata-kata. Oleh kerana sistem perubatan berbeza dengan Malaysia, aku jadi bingung sama ada aku boleh ke hospital mereka kerana namaku belum didaftarkan di dalam sistem 'National Health Service' (NHS) mereka. Pendaftaran sahaja mengambil masa lima sehingga sepuluh hari bekerja. Bila kuhitung-hitung, boleh jadi aku akan 'mati' dahulu sebelum boleh berjumpa dengan doktor atau GP mereka. Akhirnya, aku ke farmasi sekali lagi untuk membeli 'painkiller' untuk membantu membanteras sakit keras ini. Malangnya, ia tidak mudah! Aku diberitahu untuk mendapatkan surat doktor untuk tujuan tersebut. Bagaimana mahu bertemu doktor jika namaku belum lagi berdaftar?

Akhirnya, dalam kebuntuan, ahli farmasi itu menyuruh aku ke sebuah klinik yang dalam fikirannya boleh membantu. Di klinik itu, seorang perempuan muda bertudung hitam berdarah Pakistan dengan tegas memberitahu, "Sorry, we're closed for today. You can come back tomorrow at eight in the morning." Dikhabarkan klinik itu beroperasi sehingga pukul 5 petang. Semasa kusampai, jam baru menunjukkan pukul 3.30 dan ada beberapa pesakit sedang menunggu giliran untuk berjumpa doktor. Dia tidak mahu mendengar apa-apa penjelasan dan seperti robot atau mesin pemain suara, dialognya itu diulang lagi berkali-kali. Pasti sewaktu itu, imanku tebal kerana tidak berkata apa-apa walaupun sakitku memungkinkan aku melakukan yang sebaliknya. Untunglah ada seorang wanita tempatan pertengahan umur dan matang di samping perempuan mentah itu yang pada dasarnya bekerja hanya berdasarkan buku dan tiada belas kasihan. Wanita tempatan itu bertanya apa masalahku tetapi cepat disanggah perempuan muda itu takut-takut aku akan diterima berjumpa doktor. Beliau mendengar celoteh rakannya tetapi memandangkanku dengan kasihan. Mungkin beliau nampak pipiku bengkak dan meminta aku terus ke hospital dan mendaftar sebagai pesakit luar. Aku sangsi. Tapi adakah cara lain? Tiada. "I've got no choice." Maka, dalam cuaca sejuk tanpa berkereta, tidak seperti di Malaysia yang aku tinggalkan tiga buah kereta yang aku sangat rindu sekarang ini, aku terpaksa meredah jalan beberapa kilometer lagi dari klinik itu untuk ke hospital 24 jam yang agak jauh juga. Di sana, aku cuba 'ditolak' oleh kerani mendaftar yang menyaring keadaanku dengan menyuruh aku ke hospital gigi sahaja. Kali ini, aku terpaksa merayunya untuk berjumpa dengan GP. Beliau merengus dan menjeling tetapi sebagai seorang yang terdesak, kutahan segala jelingan kerana aku sudah tidak mampu menahan kesakitan ini. Aku diminta beredar ke kaunter pendaftaran seterusnya. Benar seperti kata-kata jiran baruku, "People are so lazy to work now. They just want to send you away."




Aku mengeluarkan kad biometriks. Butiran diisi ke dalam komputer. “You have no record with the NHS.” Sekali lagi otakku memikirkan yang terburuk -- aku akan ditolak. Tajam renungan kerani kaunter itu. Tetapi dihulurnya sehelai borang dan sebatang pen meminta aku mengisikan alamat penuh Malaysia dan Britain. Semangatku perlahan-lahan datang semula. Syukur!

Setelah mengharungi 3 lagi proses pendaftaran di kaunter-kaunter berlainan, akhirnya aku diterima masuk bertemu doktor setelah sejam setengah menunggu. Ringkasnya, beliau meminta aku ke hospital pergigian. Gusiku dilihat ringkas, ada inflamasi katanya. Beliau tidak boleh mengeluarkan preskripsi antibiotik kerana beliau bukan doktor gigi. Hanya ‘painkiller’. Memang itu yang aku sangat perlukan ketika itu!

Borang kecil hijau itu kupegang erat dan kulipat rapi lalu dimasukkan ke dalam dompetku. Sekali lagi aku berjalan ke farmasi yang berkilometer jauhnya kerana farmasi hospital itu tidak beroperasi pada hari Sabtu. Hari semakin gelap, kesejukan makin mencengkam. Tetapi kerana gusiku lebih memerlukan, kakiku lincah mengharungi bumi basah dek hujan yang turun.

Borang hijau kuhulurkan kepada ahli farmasi. Beliau menyambutnya dan bertanya adakah aku si pemerlu ‘painkiller’ itu. “Ya,” ujarku ringkas. “Are you on benefit?” soalnya lagi. Aku menggeleng. Sudah kehilangan kata-kata. “You will have to pay for this. 9 pound, please,” sambungnya lagi. Aku keluarkan not 10 pound. Diberinya “pain killer” itu dan baki wang syiling 1 pound. Aku terima kedua-duanya dengan tangan penuh mengharap dan lafaz syukur. Aku keluar dari farmasi itu dengan gusi yang masih membengkak dalam malam yang semakin pekat. Kubuka dompet syilingku dan kukeluarkan sekeping lagi syiling. Kuletakkan mereka ke dalam koleh peminta sedekah yang berhujan berpanas di tepi farmasi itu. Ianya takkan mungkin setanding dengan harga sebutir ‘painkiller’ di bumi Inggeris ini.



‘Painkiller’ yang didambakan saat sakit yang tidak tergambar dengan kata-kata

Rujukan:

Bellevue Hill Dental (n.d.). How Stress Can Affect Your Teeth and Jaw. <https://bellevuehilldental.com.au/stress-can-affect-teeth-jaw/>

Springdale Dental Centre (2022, February 23). How the cold weather affects oral health. <https://www.springdaledental.com/how-the-cold-weather-affects-oral-health/>

